



MAJLIS DAERAH TANJONG MALIM

PENGISIAN JAWATAN KOSONG

Permohonan adalah dipelawa daripada **Rakyat DYMM Sultan Perak** dan **Warganegara Malaysia** yang berkelayakan sahaja untuk memenuhi jawatan berikut:

1. (a) Jawatan : **PEMBANTU PENGUATKUASA GRED KP19/KP22**
(Kekosongan Jawatan : 1)
- (b) Kementerian / Jabatan / Badan Berkanun/Kuasa Tempatan : Majlis Daerah Tanjong Malim
- (c) Kumpulan Perkhidmatan : Pelaksana
- (d) Klasifikasi Perkhidmatan : Keselamatan dan Perkhidmatan Awam
- (e) Jadual Gaji : Minimum RM 1,360.00 – Maksimum RM 4,052.00
- (f) Syarat Lantikan :
 1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
 - (a) **Warganegara Malaysia**
 - (b) Berumur **tidak kurang dari 18 tahun** pada tarikh tutup iklan jawatan ;
 - (c) (i) **Sijil Pelajaran Malaysia** atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
(Gaji permulaan ialah pada Gred KP19 : RM 1,360.00); atau
 - (ii) bekas anggota polis atau tentera yang sekurang-kurangnya berpangkat Konstabel atau Prebet atau yang setaraf dengannya dan telah disahkan dalam jawatan tersebut serta mempunyai rekod perkhidmatan yang baik dan berkebolehan bertutur, membaca dan menulis dalam Bahasa Melayu dengan memuaskan.
(Gaji permulaan ialah pada Gred KP19 : RM 1,360.00); atau
 - (iii) **Sijil Pelajaran Malaysia** atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta **Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2** dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred KP19 : RM 1,416.40); atau
 - (iv) **Sijil Pelajaran Malaysia** atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta **Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3** dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred KP19 : RM 1,472.80)

dan

- (d) mempunyai syarat-syarat ukuran fizikal dan pancaindera seperti yang berikut :
 - (i) tinggi sekurang-kurangnya **1.57m bagi lelaki** dan **1.53m bagi wanita** tanpa bersepatu;
 - (ii) berat badan sekurang-kurangnya **48kg bagi lelaki** dan **46kg bagi wanita**;
 - (iii) mempunyai ukuran Indeks Jisim **Badan (BMI)** di **antara julat 19 hingga 26**;
 - (iv) mempunyai sekurang-kurangnya **79sm ukuran dada yang biasa** dan **84sm semasa menarik nafas** (lelaki sahaja);
 - (v) **lulus dalam ujian penglihatan bagi mata kiri dan kanan** yang diuji berasingan dengan ketetapan V6/9 tanpa menggunakan cermin mata;
 - (vi) **pegecaman warna dan pendengaran** yang tidak cacat; dan
 - (vii) **diperiksa dan diperakui sihat** untuk berkhidmat oleh pengamal perubatan yang berdaftar.

- (g) Syarat Kelayakan Bahasa Melayu : 2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki **Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C)** dalam subjek **Bahasa Melayu** pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan

- (h) Penetapan Gaji Permulaan : 3. Gaji permulaan yang lebih tinggi daripada gaji minimum Gred KP19 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan.

- (i) Latihan : 4. Pegawai boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.

- (j) Taraf Jawatan : **Kontrak**

- (k) Cara memohon:
 - i. Permohonan jawatan yang ditawarkan hendaklah dipohon melalui sistem permohonan jawatan kosong di <https://digital.perak.my/penjawatan/>
 - ii. Permohonan yang telah lengkap perlu dicetak dan disahkan beserta dengan salinan sijil dan transkrip atau keputusan peperiksaan yang telah diperolehi, kad pengenalan, sijil kelahiran yang telah disahkan dan sekeping gambar berukuran pasport.
 - iii. Permohonan daripada calon-calon yang sedang berkhidmat dengan kerajaan/Pihak Berkuasa Tempatan / Badan-Badan Berkanun hendaklah dibuat melalui Ketua Jabatan masing-masing mengikut Perintah Am Bab 'A' 21. Permohonan yang tidak menurut peraturan dalam borang akan ditolak.

iv. Permohonan yang lengkap hendaklah dihantar kepada:

Yang Dipertua,
Majlis Daerah Tanjong Malim
Peti Surat 59
35900 TANJONG MALIM

Tarikh tutup permohonan : **8 November 2021 (Isnin)**

Catatan Am:

- i. Hanya calon-calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk temuduga.
- ii. Permohonan yang tidak menerima sebarang jawapan selepas 12 bulan dari tarikh iklan ini ditutup hendaklah menganggap permohonan tidak berjaya.
- iii. Segala perbelanjaan dan tuntutan bersabit dengan permohonan ini tidak akan ditanggung oleh Majlis Daerah Tanjong Malim.